

TARIKH: 1/7/23
SURAT KHABAR: Sinaw Harian
MUKA SURAT: 15

Gaji minimum RM1,500 berkuat kuasa hari ini

SHAH ALAM - Pelaksanaan gaji minimum sebanyak RM1,500 melibatkan majikan yang mempunyai kurang lima pekerja berkuat kuasa bermula hari ini.

Penguatkuasaan di bawah Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 itu melibatkan semua sektor termasuk perladangan, pertanian dan pembuatan kecuali perkhidmatan domestik dan aparentis.

Berdasarkan keputusan yang diumumkan kerajaan sebelum ini, penguatkuasaan tersebut telah ditangguhkan selama enam bulan berbanding tarikh awal yang ditetapkan iaitu 1 Januari 2023.

Pelaksanaan gaji minimum baharu itu telah diluluskan kerajaan pada 19 Mac 2022 dan diwartakan



Menurut Sivakumar, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira soal kesediaan majikan dalam kategori berkenaan bagi menguatkuasakan gaji minimum baharu.

melalui Warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan Jabatan Peguam Negara pada 27 April 2022.

Oleh itu, Kementerian Sumber Manusia menguatkuasakan perkara tersebut untuk semua sektor tanpa mengira wilayah bagi majikan yang menggajikan lima pekerja atau lebih bermula 1 Mei 2022.

Bagaimanapun, menurut peraturan, semua majikan yang menggajikan kurang daripada lima pekerja, diberi pengecualian dan

MAJIKAN KURANG LIMA PEKERJA

pelaksanaan PGM 2022 berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Menurut Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, keputusan itu dibuat kerajaan selepas mengambil kira soal kesediaan majikan dalam kategori berkenaan bagi menguatkuasakan gaji minimum baharu kepada pekerja mereka.

Selain itu, pihaknya turut mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan berdasarkan jangkaan cabaran ekonomi serta kewangan yang bakal dihadapi tahun 2023.

“

Kementerian Sumber Manusia menguatkuasakan perkara tersebut untuk semua sektor tanpa mengira wilayah bagi majikan yang menggajikan lima pekerja atau lebih bermula 1 Mei 2022.”

- V Sivakumar

MS 15 Sinaw Harian
1/7/23